

# Pulih mangsa banjir

Badan khas urus bantuan Kerajaan Pusat memulihkan kehidupan selepas bencana

Oleh Azmi Md Deros  
[azmimd@bharian.com.my](mailto:azmimd@bharian.com.my)

**A**LOR SETAR: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengarahkan sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan segera bagi mengurus dan menyelaras bantuan Kerajaan Pusat kepada mangsa banjir untuk memulihkan semula kehidupan mereka selepas bencana berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jawatankuasa itu yang turut dianggotai Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan me-

ngumpul rekod mengenai jumlah sebenar mangsa yang terbabit dan bentuk kerugian dialami.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat akan menyalurkan bantuan sewajarnya melalui jawatankuasa itu secepat mungkin bagi memudahkan mangsa bencana berkenaan meneruskan kehidupan pasca banjir, selepas mereka kehilangan atau mengalami kerosakan banyak harta benda.

“Pertama sekali saya minta kita kena ada

# TPM mahu daftar rekod mangsa banjir diwujudkan

## DARI MUKA 1

daftar rekod mangsa banjir... Jika ada 40,000 mangsa rekodkan keluarga dan semua anggota keluarga terbabit. Kita mahu ada satu rekod saja.

"Rekod mesti dimulakan sekarang... dari setiap kampung hingga siapa yang terbabit, jumlah keluarga dan dari mana mereka datang serta bentuk kerugian dialami.

"Ia bertujuan untuk kita meneliti bentuk bantuan yang kita boleh sampaikan bagi membolehkan mereka membina semula kehidupan pasca banjir ini," katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Stadium Sultan Abdul Halim sdi sini, semalam.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri diberikan taklimat mengenai kejadian banjir di negeri ini oleh Pemangku Setiausaha MKN Kedah, Mej Harris Padzilah Mohamed.

Selepas itu, beliau turut dibawa meninjau sekitar kawasan bandar raya ini yang dilanda bencana paling buruk dalam tempoh 40 tahun. Banjir di Kedah dan Perlis sejak Ahad lalu menyebabkan kira-kira 60,000 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan, yang mana lebih 40,000 mangsa dari Kedah.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga Ahli Parlimen Alor Setar, Datuk Chor Chee Heung; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Johari Baharum yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu serta Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Muhyiddin berkata, di Kedah, jawatankuasa itu akan dipengerusikan bersama oleh Chee Heung dan Ahmad Bashah, selain turut diang-

gotai wakil agensi Kerajaan Pusat serta MKN.

Timbalan Perdana Menteri berkata, banyak perkara perlu direkodkan, termasuk kawasan rumah yang tenggelam, rumah rosak, kerosakan tanaman dan haiwan ternakan yang mati akibat bencana itu.

Katanya, laporan mengenai rekod berkenaan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk menentukan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa banjir berkenaan.

"Saya akan kemukakan laporan itu kepada Perdana Menteri dan beliau akan menentukan bentuk bantuan berkenaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau juga menasihatkan penduduk yang terjejas akibat banjir supaya bersabar dan reda menerima ujian daripada Allah itu dan berdoa semoga banjir cepat pulih supaya mereka dapat kembali ke rumah masing-masing.

Beliau juga berpuas hati terhadap bantuan diberikan oleh pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan yang bertungkus-lumus membantu memindah dan menyelamatkan mangsa banjir seterusnya menguruskan kehidupan mereka di pusat pemindahan.

"Saya berharap selepas ini ada lagi bantuan daripada badan sukarela untuk membantu kerja pembersihan di kawasan yang terjejas dengan banjir supaya orang ramai dapat menjalani kehidupan seperti sedia kala," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, semua lojistik bagi membantu mangsa banjir untuk operasi sepanjang bencana berkenaan akan diletakkan di negeri ini untuk tempoh tertentu sebagai perediaan jika berlaku gelombang kedua.

# RM26j bantu pesawah dua negeri

## TEKUN tawar pinjaman pulih sawah, ternakan



an memulihkan sawah yang rosak akibat banjir, benih serta baja yang dianggarkan bernilai RM26 juta.

"Kementerian akan permohonan kepada kerajaan, mungkin bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk kita dapatkan bantuan bagi membantu petani.

"Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sudah ditugaskan membuat kajian, berapa banyak tanah yang terbabit termasuk kawasan MADA dan di luar MADA di Kedah dan Perlis," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Satu Komuniti Satu JPJ Parlimen (1Komuniti 1JPJ) Tanjung Karang di sini, semalam.

Ditanya sama ada negara akan mengalami kekurangan beras berikutan banjir berkenaan, Noh berkata, rak-



**TIMBALAN Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melawat Yahya Abdul Hamid di penempatan mangsa banjir di Stadium Sultan Abdul Halim, Kedah, semalam.**

**T**ANJUNG KARANG: Petani serta penternak di Perlis dan Kedah yang teruk terjejas oleh banjir akan menerima bantuan Kerajaan Pusat termasuk pinjaman kedua daripada Agrobank dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN).

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar, berkata selain penanam padi yang mengusahakan 45,453 hektar sawah di kedua-dua negeri itu, penternak termasuk pengusaha ikan keli yang turut terjejas diberi bantuan sewajarnya.

Katanya, pesawah dibantu termasuk menerima bantu-

yang tidak perlu bimbang kerana stok penimbal di Padi Beras Nasional Bhd (BERNAS) ada 200,000 tan pada satu-satu masa.

Malah, katanya, BERNAS turut menyumbangkan 500 tan beras dan minyak kepada mangsa banjir, selain persatuan nelayan kawasan sudah diminta membekalkan 40 tan ikan kepada mangsa selain

**“Rancangan ke arah 70 peratus hasilkan sendiri beras yang sepatutnya dicapai pada musim ini akan terjejas sedikit”**

**Noh Omar**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

bantuan ikan kering dan mi banyak oleh MADA.

"Apa yang akan terjejas sedikit adalah rancangan kita ke arah 70 peratus menghasilkan sendiri beras yang sepatutnya dicapai pada musim ini. Kita akan capai tetapi lewat sikit kerana kena tunggu petani tanam semula padi," katanya.

Terdahulu, Noh berkata,

program yang dijalankan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di kawasan itu membolehkan 500 warga emas memperoleh lesen memandu percubaan kelas B2.

Sehingga kini, kira-kira 10,000 warga tua di seluruh negara menerima lesen memandu percubaan melalui 20 program 1Komuniti 1JPJ yang dijalankan sejak 2009.

# MB Perlis nafi paras empangan naik

**P**ADANG BESAR: Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu, semalam menafikan khabar angin air Empangan Timah Tasoh sekali lagi meningkat melepasi paras bahaya, sekali gus mengundang risiko gelombang kedua banjir di Perlis.

Beliau berkata, bancian terkini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) jam 9 pagi semalam, mendapati paras air di empangan itu menunjukkan bacaan 29.09 meter, menurun berbanding 29.40 sebelum ini.

Bacaan itu jelas menunjukkan air Empangan Timah Tasoh berada pada tahap lebih rendah berbanding paras normal 29.1 meter.

"Namun, itu tidak bermakna Perlis bebas daripada risiko banjir kerana faktor cuaca terutama hujan dan air laut pasang besar, selain angin kencang berpotensi mendorong peningkatan paras air, sekali gus menyebabkan banjir," katanya, semalam.

Terdahulu, beliau sempat meninjau kawasan pertanian



**KAMPUNG Bakau masih ditenggelami air walaupun kebanyakan kawasan di Perlis mulai surut, semalam.**

meliputi sawah, ladang sayur-sayuran serta dusun di sekitar negeri yang terjejas akibat banjir, sebelum diberi taklimat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Koperasi negeri, Sabry Ahmad.

Banjir melanda Perlis se-

jak Ahad lalu yang disifatkan paling buruk dalam sejarah negeri, memusnahkan padi bernilai RM9.7 juta, selain taklimat oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Koperasi negeri, Sabry Ahmad.

Sabry berkata, 14,593 hektar padi berusia antara 20 hingga 60 hari yang diusahakan 10,376 petani seluruh Perlis membabitkan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan luar MADA, dilapor musnah dalam bencana banjir berkenaan.

# Pemuda Pokok Sena gesa bantuan selepas bah

**P**OKOK SENA: Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Pokok Sena mahukan pemimpin tertinggi parti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan memberi tumpuan terhadap program bantuan mangsa selepas banjir untuk memastikan nasib rakyat terbelah.

Ketuanya yang juga Naib Ketua Pemuda UMNO Kedah, Haris Che Mat, berharap pemimpin parti peringkat negeri dapat turun padang untuk menemui rakyat dan cuba menyela masalah secara telus.

Berdasarkan tinjauan bersama unit khas bantuan banjir Pemuda Bahagian Nasional (BN) Bahagian Pokok Sena, didapati perkara itu penting kerana rakyat memerlukan perhatian selepas melalui kejadian yang meninggalkan kesan mendalam itu.

"Masih banyak masalah dihadapi mangsa walaupun selepas banjir di ka-

wasan surut. Bagi saya ia mengambil masa beberapa minggu selepas banjir untuk keadaan pulih.

Sementara itu di ALOR SETAR, sikap segelintir mangsa banjir yang terlalu bergantung kepada bantuan, selain 'tunggu dan lihat' sebelum bertindak mengganggu kelancaran misi bantuan disalurkan secara menyeluruh.

Setiausaha Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Kedah, Samat Abdullah, berkata ada mangsa seperti tidak sedar apa yang berlaku ketika ini adalah bencana besar.

"Keadaan ini mungkin kerana ada mangsa banjir trauma berikutan kehilangan harta dan mengalami kerugian besar sehingga mengganggu emosi dan sikap mereka.

"Justeru, pelbagai pendekatan yang berkesan cuba dilaksana untuk memberi sokongan moral terhadap mangsa," katanya.

Ketika mangsa banjir di sekitar Padang Besar dan Arau di sini sibuk membersihkan rumah selepas air mulai surut kelmarin, lebih 9,000 warga daerah ini, terutama di sekitar Kampung Bakau dan kawasan berhampiran, masih dihimpit kesulitan apabila rumah masing-masing terus ditenggelami air.

Difahamkan, hingga kini tidak kurang 50 rumah di sekitar Kampung Bakau, termasuk beberapa kawasan taman sekitarnya masih banjir sehingga paras dada.

Keadaan itu memaksa lebih 1,000 mangsa membatik kira-kira 400 keluarga di kampung terbabit terus menetap di beberapa pusat pemindahan.

**TAPAH**

**Persediaan rapi**

Kerajaan Perak mengeluarkan arahan kepada semua pejabat daerah supaya membuat persediaan termasuk menyediakan pusat pemindahan bagi menghadapi banjir yang berkeungkinan turut melanda negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata arahan membuat persediaan lebih rapi itu dikeluarkan untuk tempat yang sering dilanda banjir.

"Dua minggu lalu kita menerima amaran kuning di beberapa kawasan di negeri ini berdasarkan ramalan cuaca, namun setakat ini keadaan masih terkawal" katanya selepas menyempurnakan majlis pecah tanah Bandar Baru Tapah di sini, semalam.

# Bah di Kedah, Perlis makin pulih

Mangsa di pusat pemindahan dua negeri catat penurunan kecuali di Kota Setar

**Banjir**

**A**LOR SETAR: Keadaan banjir di Kedah dan Perlis semakin pulih apabila jumlah mangsa banjir yang berada di pusat pemindahan sementara mencatat penurunan, namun keadaan di daerah Kota Setar di sini, bertambah buruk apabila mangsa dipindahkan meningkat kepada 21,116 orang.

Sehingga jam 6.30 petang semalam, di seluruh negeri ini seramai 31,712 mangsa banjir membabitkan 7,856 keluarga masih berada di 83 pusat pemindahan, berbanding 33,563 orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Majlis Keselamatan Negara (Kedah) ketika dihubungi berkata, seramai 21,116 orang daripada 5,060 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan di daerah Kota Setar, berbanding 19,591 orang kelmarin.

Beliau berkata, jumlah mangsa banjir dipindahkan di daerah Kubang Pasu mencatat penurunan kepada 9,531 orang daripada 2,591 keluarga, berbanding 12,242 orang kelmarin.

Selain itu, keadaan di Pokok Sena turut menunjukkan pemulihan apabila jumlah mereka yang masih menguni pusat pemindahan berkurangan kepada 1,003 orang membabitkan 143 keluarga



**SUKARELAWAN** Barisan Nasional membersihkan rumah mangsa banjir di Kampung Derang yang dipenuhi lumpur selepas banjir di Pokok Sena, Kedah mulai surut, semalam.

**FAKTA NOMBOR**

**21,116**

**orang**

Jumlah mangsa banjir di Kota Setar dipindahkan

dan Pendang pula 242 orang daripada 62 keluarga.

Dalam pada itu, bekalan air di sebahagian besar daerah ini semakin pulih apabila loji air Bukit Pinang milik Syarikat Air Darul Aman (SADA) Sdn Bhd sudah beroperasi mencapai tahap hampir 80 peratus dan dijangka mencapai tahap 100 peratus sehari dua lagi.

Sementara itu, Kilometer 28 Lebuhraya Utara-Selatan

di Jitra yang sebelum ini ditutup kepada lalu lintas kerana ditenggelami air sudah dibuka satu lorong di kedua-dua hala.

Selain itu, tinjauan *Berita Harian* di beberapa kawasan di bandaraya ini mendapati banyak jalan utama sudah dibuka kepada lalu lintas.

Di Perlis pula, Jurucakap Pusat Gerakan Banjir negeri yang dihubungi berkata, seramai 8,645 mangsa memba-

bitkan 1,217 keluarga masih ditempatkan di 33 pusat pemindahan yang masih aktif dengan majoritinya di daerah Kangar.

"Ketika ini 24 daripada 57 pusat pemindahan dibuka sejak banjir melanda Perlis Ahad lalu sudah diarah tutup dengan majoritinya di kawasan Padang Besar dan Arau, manakala baki 33 yang masih beroperasi adalah sekitar daerah Kangar," katanya.

## Alternatif untuk calon peperiksaan

**A**LOR SETAR: Kementerian Pelajaran sudah mempunyai pelan alternatif untuk memastikan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tidak terjejas jika keadaan terburuk melanda kawasan Utara Semenanjung berterusan.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kementerian itu akan melihat keadaan terlebih dulu kerana masih ada kira-kira dua minggu sebelum peperiksaan itu bermula.

"Kita sudah ada pelan alternatif jika banjir berterusan... kita lihat dulu bagaimana kerana masih ada dua minggu lagi sebelum peperiksaan itu diadakan," kata-

nya ketika ditemui selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan di Stadium Sultan Abdul Halim di sini, semalam.

Beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada kementerian itu akan mengubahsuai semula jadual dua peperiksaan penting itu yang dijangka bermula 22 November ini berikutan banjir besar di Kedah dan Perlis serta cuaca yang tidak menentu kini.

Masalah banjir besar itu bukan saja menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk menduduki peperiksaan apabila ada jalan ditutup, malah banyak sekolah digunakan sebagai pusat penempatan sementara bangsa banjir.



**NASIR** keluar bertugas walaupun rumahnya turut dinaiki air di Taman Uda, semalam.

## Rumah tenggelam tak patah semangat Nasir

**A**LOR SETAR: Walaupun menjadi antara seorang mangsa banjir, namun nasib menimpa itu langsung tidak menghalang Pengarah Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Kedah, Nasir Mustafa, 66, untuk terus berkhidmat sebagai sukarelawan yang membantu rakyat negeri ini yang ditimpa bencana alam berkenaan.

Rumahnya di Taman Uda di sini, dinaiki air hingga paras pinggang jam 2 pagi Khamis lalu, menyebabkan seluruh ahli keluarganya termasuk isteri, Ainon Ahmad, 60, bersama anak dan menantu serta cucunya berusia empat tahun berpindah ke tingkat atas rumah.

Nasir berkata, selama 36 tahun menetap di taman berkenaan kejadian banjir itu yang pertama berlaku di situ,

sehingga menyebabkan kebanyakan penduduk sekitar tidak bersedia kerana menjangkakan air tidak akan naik di kawasan terbabit.

Katanya, ketika air naik di kawasan itu, beliau tidak ada di rumah kerana menghadiri Majlis Penyampaian Tauliah PBSM Daerah Sik dan Baling serta keluar mendapatkan tenaga sukarelawan tambahan di kedua-dua daerah berkenaan untuk membantu mangsa banjir di negeri ini.

"Walaupun, kebanyakan penduduk di taman perumahan saya sudah dipindahkan, saya mengarahkan ahli keluarga untuk tinggal di tingkat atas rumah berikutan bahagian yang terjejas hanya di tingkat bawah, selain mengalihkan enam kereta ke tempat selamat," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

# RM400,000 diperuntuk beli dapur

NGO, korporat kumpul dana untuk disalur kepada mangsa banjir di Kedah, Perlis



**P**OKOK SENA: Pelbagai pihak, termasuk syarikat korporat dan badan bukan kerajaan (NGO) menghulurkan sumbangan berjumlah kira-kira RM400,000 bagi membeli 10,000 dapur untuk diagihkan kepada penduduk yang terjejas akibat banjir besar di Kedah dan Perlis sejak lebih seminggu lalu.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail, berkata jika bantuan itu tidak mencukupi, pihaknya akan mencari dana tambahan bagi menampung penyediaan peralatan berkenaan bagi meringankan penderitaan mangsa banjir di kedua-dua negeri itu.

“Pejabat Perdana Menteri sedang berusaha sedaya upaya bagi mendapatkan bantuan tambahan untuk meringankan kesusahan yang dialami mangsa banjir.

“Sumbangan diterima, termasuk dari beberapa badan korporat dan NGO antaranya, PROTON, Pejabat Men-



ROSMINA Abu Bakar membersihkan kerusi sambil dibantu dua anaknya di rumah mereka di Taman Uda, Alor Setar, semalam.

teri Besar Perak, Bank Rakyat, Bank Muamalat, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri serta Yayasan Pahang,” katanya selepas majlis penyerahan 229 dapur kepada mangsa banjir di pu-

sat pemindahan sementara di Sekolah Kebangsaan Bukit Hijau, dekat sini, semalam. Hadir sama, Ketua UMNO Bahagian Pokok Sena, Datuk Ahmad Lebai Sudin dan Ketua Wanita UMNO Bahagian itu, Datuk Salmah Mat Isa.

Terdahulu dalam ucapannya, Shahlan menyampaikan pesanan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak supaya mangsa banjir berhati-hati dan sentiasa memantau pergerakan anak mereka bagi mengelak keja-

dian tidak diingini. “Mangsa banjir diharapkan lebih berhati-hati dan tidak membiarkan anak-anak bermain air kerana perbuatan itu boleh menyebabkan berlaku kejadian tidak diingini,” katanya.

## Sultan Perak sumbang air mineral untuk mangsa

**A**LOR SETAR: Sultan Perak, Sultan Azlan Shah berkenan menyerahkan sumbangan peribadi sebanyak 2,240 kanton air mineral 600 mililiter (ml) dan 5.5 liter kepada Yayasan Sultanah Bahiyah (YSB) di sini, untuk diagihkan kepada mangsa banjir di beberapa daerah di negeri ini, semalam.

Briged Kedua Infantri Malaysia ditugaskan menyempurnakan penyerahan bantuan berkenaan yang diketuai Brig Jen Datuk Zulkifli Mansor menggunakan 16 trak muatan tiga tan milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bertolak dari Ipoh, Perak, semalam.

Pengerusi YSB, Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim berkenan menerima sumbangan itu dalam majlis di pejabat YSB, Shahab Perdana di sini, semalam.

Sementara itu, Intan Safinaz berkata, pihaknya terharu dengan keprihatinan baginda Sultan Perak terhadap nasib mangsa banjir di negeri ini selain mengucapkan penghargaan di atas sumbangan yang dikurniakan.

Beliau berkata, sumbangan berkenaan sangat bermakna untuk mangsa banjir di Kedah yang menghadapi masalah bekalan air bersih.

“Kita sudah agihkan sebahagian air di pusat pemindahan baru seperti di Sekolah Menengah Wan Mat Saman di sini dan bekalan selebihnya akan diagihkan secepat mungkin kepada mangsa yang memerlukan.

“YSB memegang amanah besar dari Sultan Perak untuk memastikan bekalan ini sampai kepada golongan sasaran. Selain itu, kita dapat menyaksikan wujud koordinasi dan kerjasama baik antara ATM dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam membantu mangsa bencana di negeri ini,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Kedah, Nasir Mustafa berkata, Intel Malaysia turut mengagihkan 450 kotak berisi barangan keperluan asas termasuk tuala mandi, berus gigi, tuala wanita dan sabun untuk diagihkan kepada mangsa banjir di negeri ini.

## Media Prima, NSTP hantar sukarelawan bantu mangsa

**B**UKIT MERTAJAM: Prihatin dengan nasib mangsa banjir di beberapa negeri di utara dan timur Semenanjung, Media Prima Berhad dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) menghantar sukarelawan untuk membantu mangsa banjir terbabit.

Pengerusi Media Prima, Datuk Johan Jaafar, berkata kumpulan sukarelawan itu dihantar ke kawasan penempatan mangsa banjir bagi membantu mereka sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) NSTP-Media Prima.

Ketika ini, kumpulan sukarelawan yang diketuai Pengarah Eksekutif Berita dan Operasi Editorial Media Prima, Datuk Ahmad A Talib berada di Kedah bagi menghulurkan sumbangan kepada mangsa banjir di sana.

Selain itu, katanya, sumbangan kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima da-

**TABUNG BENCANA**

**NSTP media prima**

Sumbangan boleh dihantar ke  
Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong,  
59100, Kuala Lumpur dan pejabat  
cawangan atau cek atas nama  
**Tabung Bencana NSTP-Media Prima**  
Akaun Maybank : 514105-320757  
(Sila tulis nama penuh dan alamat di belakang cek)

ri pada pengunjung Karnival Jom Heboh TV3 di Stadium Batu Kawan di sini, juga mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung.

“Saya terharu dan bangga dengan keprihatinan pengunjung yang menghulurkan sumbangan, malah mereka dengan murah hati menghulurkan sumbangan



JOHAN (kiri) bersama selebriti TV3 mengutip derma untuk Tabung Bencana NSTP-Media Prima daripada pengunjung Karnival Jom Heboh TV3 di Stadium Batu Kawan, semalam.

tanpa mengira bangsa dan agama.

“Inilah masyarakat kita sekarang yang begitu baik dan bertanggungjawab terhadap mangsa banjir dan maklum balas yang diberikan amat baik sekali,” katanya yang turut mempelawa syarikat korporat menghulurkan sumbangan kepada banjir bencana terbabit.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di tapak Karnival Jom Heboh TV3 di Stadium Batu Kawan di sini, semalam.

Bagi individu dan organisasi yang mahu membantu mangsa banjir, mereka boleh menyalurkan sumbangan kepada nombor akaun Maybank 5141-0532-0757 dengan nama Tabung Bencana NS-

TP-Media Prima dan dihantar ke Bahagian Kewangan NSTP, 31 Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur.

Sumbangan juga boleh disalurkan melalui pemindahan wang menerusi Maybank2u.com, pindahan dana di ATM dan Kawanku Phone Banking, Mesin Deposit Tunai, Mesin Deposit Cek dan Kaunter Maybank.